



Selamat Datang & Salam Sejahtera

Khairulnizam Shuib
Timbalan Pengarah Akademik KPTM Alor Setar
knizam@gapps.kptm.edu.my
04730 9255 ext 294
019-475 7827

Assalamualaikum wbt & Salam Sejahtera,

Bismillahirrahmanirrahim (Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani)

TAHNIAH kepada semua pelajar baharu yang mendaftar bagi sesi pengajian Julai – November 2020 ini dan **TERIMA KASIH** kerana memilih KOLEJ POLY-TECH MARA ALOR SETAR sebagai institusi pendidikan untuk menyambung pengajian ke peringkat Diploma.

KPTM Alor Setar sebagaimana insituti pendidikan tinggi lain turut menerima kesan berikutan pandemik COVID-19 yang melanda negara ketika ini. Selaras dengan arahan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), pengendalian Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) juga perlu diubahsuai di mana semua pelajar baharu diberi pilihan untuk meneruskan pengajian dalam dua mod iaitu **Mod Atas Talian (Online)** dan **Mod Bersemuka (Face to Face)**.

Sesi kuliah akan bermula pada Isnin, 6 Julai 2020 bagi kedua-dua mod pengajian dengan mengikut Jadual Kuliah yang diedarkan oleh Bahagian Akademik dan boleh didapati di laman sesawang KPTM Alor Setar.

KPTM Alor Setar mengamalkan sistem pengendalian PdP yang berorientasikan pelajar di mana terdapat beberapa inisiatif yang menyokong pembelajaran pelajar. Antaranya:

- Bimbingan Pelajar Melalui Program Mentor-Mentee
- Penggunaan Sistem Online Learning System (oLES) KPTM
- Aktiviti Pengukuhan Pelajar Lemah dan Peningkatan Prestasi
- Pengiktirafan Prestasi Cemerlang Akademik Pelajar

Buku Peraturan Akademik KPTM yang boleh didapati menerusi laman sesawang kolej merupakan satu bentuk dokumen informatif yang menggariskan perkara-perkara penting yang perlu diketahui oleh seseorang pelajar sepanjang pengajian di kolej.

Menjejakkan kaki ke alam pendidikan tinggi mungkin sesuatu yang agak baharu kepada sebilangan besar pelajar. Tambahan pula, pelajar perlu menerapkan kaedah pembelajaran secara 'new normal' atau normal baharu di mana pembelajaran berteraskan teknologi akan digunakan oleh pensyarah. Dalam memastikan setiap pelajar mendapat ilmu dan pendedahan yang mencukupi, pengurusan akademik KPTM Alor Setar menggalakkan ruang interaksi antara pelajar dan pensyarah secara lebih terbuka. Pelajar bebas menggunakan pelbagai kaedah untuk berkomunikasi dengan pensyarah kursus bagi mendapatkan penjelasan berkaitan sesuatu perkara.

Sebagai salah sebuah Institusi Pendidikan Tinggi MARA (IPMA), kecemerlangan pelajar amatlah dititikberatkan. Kecemerlangan pelajar perlu diterapkan seawal semester pertama pengajian lagi. Pelajar disaran agar meletakkan sasaran permulaan yang baik dan mengekalkan pencapaian yang konsisten. Cemerlang akademik semata tidaklah mencukupi bagi seseorang pelajar. Ianya perlu dirangkum bersama kemahiran lain seperti skil komunikasi yang mantap, kemahiran teknikal dalam bidang yang diikuti dan pengetahuan am berkaitan isu semasa yang berlaku di dalam negara. Pelajar juga perlu memiliki karektor peribadi

yang positif dan disenangi oleh orang sekeliling. Kelulusan akademik yang baik dan kemahiran insaniah yang tinggi dapat meningkatkan daya kebolehpasaran seseorang pelajar apabila bergelar graduan kelak.

Akhir kata, TAHNIAH sekali lagi dan TERIMA KASIH kepada semua pelajar yang memilih untuk melanjutkan pengajian Diploma di KPTM Alor Setar. Yakinlah bahawa, saudara-saudari telah membuat satu pilihan yang tepat untuk meneruskan pengajian di sini dalam usaha membentuk kerjaya cemerlang di masa akan datang. Semoga segala usaha dan ketekunan pelajar membuahkan hasil dan berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang dalam tempoh 2 tahun 4 bulan serta menjadi kebanggaan semua terutamanya ibu bapa, rakan taulan, pensyarah dan KPTM Alor Setar umumnya. Seluruh warga kerja Bahagian Akademik KPTM Alor Setar sentiasa mengalu-alukan kedatangan semua pelajar dan akan memberi perkhidmatan yang terbaik sepanjang tempoh pengajian saudara-saudari di sini.

Sekian, terima kasih.

Info Organisasi
BHEA KPTM ALOR SETAR
Tel: 04-7309255 ext 125

Timbalan Pengarah Akademik
Sektor Penjadualan & Peperiksaan
Sektor Pendaftaran & Rekod Statistik
Sektor Sumber Akademik

Khairulnizam Shuib
Norsani Yaacob
Fazlinawati Zakaria
Nafizah Yazid

Ketua Jabatan

- Pengurusan Perniagaan & Perakaunan
- Matematik & Sains Komputer
- Sains Sosial

Siti Zaiton Md Dali
Nor Asmah Said
Khairul Anuar Ahmad

Staf Sokongan

- Nor Zaitun Mohamed Zain
- Nor Azliana Taib
- Rossela Jelani
- Shamfuzaimi Samsuddin
- Raja Nurul Fatin Raja Ab Aziz